

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR DATUK PAUL IGAI

TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

Datuk Paul Igai minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan penerima kad OKU di kawasan luar bandar khususnya di Bahagian dan Daerah seperti di Kapit, Sri Aman dan Limbang, Daerah Song, Kanowit, Lubok Antu, Lawas, Bakelalan, Belaga dan Bukit Mabong, dan bagaimana kerja pemantauan keadaan mereka serta cara saluran bantuan bulanan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 30 Oktober 2021, terdapat seramai 39,229 OKU di negeri Sarawak telah berdaftar dalam Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Daripada jumlah tersebut terdapat seramai 1,250 OKU berdaftar di Daerah Kapit, 1,390 di Daerah Sri Aman, 983 di Daerah Limbang, 148 di Daerah Song, 326 di Daerah Kanowit, 13 di Daerah Lubok Antu, 315 di Daerah Lawas, dan 89 di Daerah Belaga. Manakala bagi Bakelalan telah termasuk di bawah Daerah Lawas dan Bukit Mabong telah dimasukkan di bawah Daerah Kapit.

Usaha untuk meningkatkan pendaftaran OKU turut dijalankan dengan menjadikan Pusat Pemulihan Komuniti (PDK) di kawasan terlibat sebagai *One Stop Centre* bagi mendaftar OKU. Selain itu, dengan pengenalan Sistem Pendaftaran OKU Secara Dalam Talian yang dikenali sebagai MyDaftar OKU turut dijangka dapat meningkatkan pendaftaran OKU di kawasan terbabit.

Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM Sarawak juga turut mengadakan beberapa program *outreach* di kawasan tersebut pada tahun 2021 seperti berikut:

a) **Bahagian Sri Aman:**

- i) Program Taklimat Inisiatif Kerajaan termasuk pendaftaran OKU dan taklimat perkhidmatan JKM pada 18 Oktober 2021;

b) **Bahagian Limbang:**

- i) Bengkel *in house training - Refreshing in New Norm* dengan objektif untuk melatih penyelia dan petugas Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) memulakan sesi pembelajaran dan aktiviti dalam suasana baharu ketika tempoh pandemik COVID-19 pada 2 – 4 Mac 2021 di PDK Lawas; dan

c) **Bahagian Kapit:**

- i) Taklimat inisiatif Kerajaan dan perasmian Pusat Aktiviti Warga Emas Song pada 30 Julai 2021;

- ii) Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Bahagian Kapit pada 22 Oktober 2021 di PAWE Kapit; dan
- iii) Taklimat Inisiatif Kerajaan di Kapit akan diadakan pada 30 November 2021.

Tuan Yang di-Pertua,

KPWKM melalui JKM juga turut menyediakan skim bantuan kewangan kebajikan untuk meringankan beban kumpulan sasar khususnya OKU buat sementara waktu sehingga mereka mampu untuk keluar daripada kepompong kemiskinan dan mampu ke arah hidup berdikari.

Kelulusan pemberian bantuan ini adalah melalui proses siasatan serta penilaian yang dibuat secara seragam dan konsisten. Setiap permohonan lengkap yang diterima akan disiasat dan dibuat penilaian (*means-tested*) bagi mengesahkan kelayakan pemohon agar bantuan diberikan kepada yang benar-benar berkelayakan. Setiap kelulusan bantuan akan dibuat kaji semula 3 bulan sebelum tempoh tamat bantuan pada setiap tahun bagi tujuan pemantauan dan memastikan kebajikan penerima bantuan terus terpelihara. Proses ini dibuat bagi menilai status kelayakan penerima yang terkini dan seterusnya menentukan sama ada bantuan masih sesuai diteruskan ataupun tidak bagi tempoh selanjutnya.

Selain itu, pelbagai program lain turut dilaksanakan oleh JKMN Sarawak dengan kerjasama agensi lain bagi membantu orang ramai khususnya penduduk di Sarawak mendapat perkhidmatan JKM. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i) Program Turun Padang dan Hari Bertemu Pelanggan kerjasama bersama Pejabat Daerah;
- ii) Sesi Taklimat perkhidmatan skim Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak bersama Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK); dan
- iii) Kaunter pameran.

Sekian, terima kasih.